

SOALAN NO. 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2016

SOALAN :

YB Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan pusat kepada Parlimen Bukit Mertajam dari 2008-2016, mengikut pecahan projek secara terperinci dan bukan hanya mengikut kategori dan jumlah bayaran serta kontraktor terlibat.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan sebanyak 119 program/projek pembangunan dengan peruntukan sebanyak RM1.19 bilion di Bukit Mertajam bagi tempoh 2008 – 2016.

Pecahan berdasarkan jenis/kategori projek untuk tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) hingga ke Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe11) adalah seperti berikut:

| Bil. | Rancangan Malaysia (RMK) | Jenis/ Kategori Projek | Bil. Projek | Peruntukan (RM Juta) | Perbelanjaan (RM Juta) |
|---------------|--------------------------|------------------------|-------------|----------------------|------------------------|
| 1 | RMKe-9 (2008-2010) | Fizikal | 75 | 337.13 | 321.82 |
| | | Bukan Fizikal | 2 | 6.71 | 7.56 |
| 2 | RMKe-10 (2011-2015) | Fizikal | 31 | 702.70 | 578.49 |
| | | Bukan Fizikal | 1 | 3.73 | 3.72 |
| 3 | RMKe-11 (2016) | Fizikal | 10 | 146.15 | 77.28 |
| JUMLAH | | | 119 | 1,196.42 | 988.87 |

Sekian, terima kasih.